



SKIM PASCA KEDOKTORAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**Unit Pengajian Lanjutan
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar**

SKIM BIASISWA UNTUK PENGAJIAN PASCA KEDOKTORAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Skim Biasiswa untuk Pengajian Pasca Kedoktoran di bawah Cuti Belajar Bergaji Penuh ini disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kepada pegawai akademik IPTA (selepas ini dirujuk sebagai "pegawai") untuk melanjutkan pengajian di peringkat Pasca Kedoktoran dalam dan luar Negara.

1.0 TUJUAN

Skim ini bertujuan memberi peluang kepada pegawai yang telah menamatkan cuti belajar dan lulus Ijazah Kedoktoran (PhD) untuk bercuti belajar bagi menjalankan aktiviti-aktiviti akademik lanjutan berkaitan dengan bidang pengajian seperti berikut:

- (a) Pengajaran;
- (b) Penyelidikan;
- (c) Penulisan dan Penerbitan; dan
- (d) Perundingan penyelidikan, penulisan, penerbitan dan perundingan berhubung dengan bidang pengajian yang dijalankan.

2.0 SYARAT KELAYAKAN

Pegawai yang memenuhi syarat-syarat berikut adalah layak dipertimbangkan untuk mengikuti program Pasca Kedoktoran (selepas ini dirujuk sebagai "program"):

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Telah disahkan dalam jawatan;
- c) Telah menamatkan cuti belajar dan memperoleh PhD dalam tempoh cuti belajar yang diluluskan. Sekiranya pegawai tersebut mendapat PhD dalam tempoh perlanjutan, tempoh perlanjutan tersebut hendaklah tidak melebihi dua belas (12) bulan dari tarikh tamat tempoh cuti belajar asal;
- d) **Permohonan untuk melanjutkan pengajian di peringkat Pasca Kedeoktoran:**
 - i. **Pensyarah DS51 tidak lewat dari lapan (8) tahun dari tarikh lantikan pertama ke jawatan pensyarah;**
 - ii. **Pensyarah DS52 dan DS54 tidak lewat dari lima (5) tahun dari tarikh Ph.D disahkan oleh Senat.**

e) Pada tarikh pegawai akan menghabiskan program Pasca Kedoktoran, pegawai mestilah berumur tidak melebihi:

(i) Jika tempoh program adalah dua belas (12) bulan:

1. 54 tahun jika umur bersara wajib pegawai adalah 58 tahun; atau
2. 56 tahun jika umur bersara wajib pegawai adalah 60 tahun;

(Contohnya jika pegawai bersara wajib pada umur 58 tahun, umur semasa tamat program hendaklah tidak melebihi 54 tahun)

(ii) Jika tempoh program melebihi dua belas (12) bulan tetapi kurang dari dua puluh empat (24) bulan;

1. 52 tahun jika umur bersara wajib pegawai adalah 58 tahun; atau
2. 54 tahun jika umur bersara wajib pegawai adalah 60 tahun;

(Contohnya jika pegawai bersara wajib pada umur 58 tahun, umur semasa tamat program hendaklah tidak melebihi 52 tahun).

f) Diperakukan oleh Dekan Pusat Pengajian;

Perakuan Dekan Pusat Pengajian ini termasuklah bahawa ketiadaan pegawai yang akan mengikuti program berkenaan tidak akan menjejaskan tugas-tugas pengajaran di Pusat Pengajian dan tiada staf baharu yang akan dilantik secara kontrak bagi menggantikan pegawai sepanjang tempoh pegawai mengikuti program. (JPPL ke-131 pada 24 Julai 2013)

g) Bebas daripada tindakan tatatertib Universiti;

h) Mendapat tawaran untuk mengikuti program daripada mana-mana Universiti, institusi atau organisasi luar. Pegawai tidak digalakkan menjalankan aktiviti akademik di Universiti yang sama semasa pengajian *PhD*;

i) Telah menghadiri Kursus Kenegaraan dan lulus dengan jayanya (bagi pegawai yang akan ke luar nNegara); dan

j) Diluluskan satu (1) kali sahaja untuk sepanjang tempoh perkhidmatan selepas memperoleh PhD.

(Syarat-syarat kelayakan lain adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh KPM dan Universiti).

3.0 TEMPOH PROGRAM

(a) Tempoh program adalah tidak melebihi dua puluh empat (24) bulan. (JPPL ke-130 pada 13 Mei 2013).

- (b) **Jawatankuasa Pemilih Pengajian Lanjutan (JPPL) akan menentukan tempoh program yang diluluskan untuk diikuti oleh pegawai.**

4.0 PERMOHONAN

- (a) Borang permohonan untuk mengikuti program boleh diperoleh di laman web <http://www.uum.edu.my/pend/pl/muatturun.htm>.
- (b) Borang permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan Pendaftar melalui Penolong Naib Canselor KolejDekan Pusat Pengajian tidak kurang tiga (3) bulan sebelum tarikh memulakan program yang dipohon. Permohonan akan dibawa ke mesyuarat JPPL untuk dipertimbangkan.
- (c) **Permohonan hendaklah dikemukakan bersama cadangan rangka kerja sepanjang mengikuti program yang dipohon termasuklah cadangan penyelidikan yang merangkumi Bab 1, 2 dan 3 sekiranya menjalankan penyelidikan.**
- (d) **Keutamaan permohonan diberikan kepada pegawai yang pernah memegang jawatan pentadbiran seperti Penolong Naib Canselor, Dekan, Timbalan Dekan, Ketua Jabatan, Penyelaras, mereka yang mengetuai sesuatu Jawatankuasa di bawah Pusat atau /Kolej atau /Universiti dan lain-lain jawatan dalam Universiti selain jawatan hakiki.**
- (e) **Permohonan daripada pegawai yang dinaikkan pangkat hanya akan dipertimbangkan setelah genap tempoh setahun pegawai berkhidmat dari tarikh kenaikan pangkat hingga ke tarikh pegawai memulakan program yang dipohon.**
- (f) Kelulusan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pegawai akan dimaklumkan untuk mengisi maklumat permohonan untuk KPM secara atas talian setelah mendapat kelulusan daripada KPM.

5.0 GAJI, ELAUN DAN KEMUDAHAN LAIN

(a) Gaji

Pegawai yang mengikuti program akan dibayar gaji penuh bagi jawatan hakikinya selama tempoh program.

(b) Elaun dan Kemudahan Lain

Elaun dan kemudahan lain yang akan diperoleh adalah mengikut kadar Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kadar Biasiswa Persekutuan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berkaitan elaun dan sara hidup Skim Cuti Belajar SLAB atau /SLAI semasa. Kemudahan dan elaun tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Yuran Pengajian (sekiranya ada).

- (ii) Elaun Sara Hidup.
- (iii) Elaun Penempatan.
- (iv) Elaun Pakaian Panas.
- (v) Elaun Buku.
- (vi) Elaun Alat Perkakasan.
- (vii) Elaun Akhir Pengajian.
- (viii) Rawatan Perubatan/Pergigian.
- (ix) Insurans Kesihatan
- (x) Tambang Pergi dan Balik.

(c) Elaun Bantuan Keluarga

Kelulusan untuk pegawai membawa keluarga bersama adalah tertakluk kepada budi bicara Universiti. Sekiranya diluluskan, Elaun Bantuan Keluarga akan diberi di bawah pembiayaan Universiti tertakluk kepada peraturan semasa.

6.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Semasa mengikuti program:

- 6.1 Pegawai berada dalam perkhidmatan Universiti dan tidak dibenarkan menjalankan apa-apa pekerjaan luar tertakluk kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 [Akta 605];
- 6.2 **Pegawai yang mengikuti program di luar nNegara, digalakkan membina jaringan hubungan dengan universiti, institusi atau organisasi di mana pegawai mengikuti program Pasca Kedoktoran sehingga membawa kepada termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) atau / Memorandum Perjanjian (MoA) antara universiti, institusi atau organisasi tersebut dengan UUM (sekiranya belum ada MoU atau /MoA);**
- 6.3 **Pegawai yang mengikuti program dengan tujuan menjalankan penyelidikan, hendaklah menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) artikel dalam jurnal berimpak tinggi atau jurnal berindeks dalam tempoh mengikuti program tersebut. yang diindeks oleh ISI atau SCOPUS dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh melaporkan diri.**

7.0 LAPORAN TAMAT PROGRAM PASCA KEDOKTORAN

- 7.1 Pegawai yang mengikuti program di luar nNegara hendaklah:
 - (a) mendapatkan suatu laporan bertulis daripada penyeliaanya atau Ketua Jabatannya di universiti, institusi atau organisasi lain di mana program itu dijalankan, dan mengemukakan laporan tersebut kepada Jabatan Pendaftar semasa melaporkan diri; dan
 - (b) mengemukakan, suatu laporan lengkap mengenai kerja yang telah dijalankan berdasarkan rancangan kerja atau /aktiviti yang dikemukakan semasa memohon mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pendaftar melalui Dekan Pusat Pengajian atau

Penolong Naib Canselor dalam tempoh tiga puluh hari (30) selepas pegawai kembali melaporkan diri.

Penulisan laporan hendaklah mengikut format berikut:

- (i) Ringkasan Eksekutif.
- (ii) Pengenalan.
- (iii) Aktiviti.
- (iv) Hasil.
- (v) Manfaat kepada pembangunan akademik/kolej/Universiti.

Jalanan kerjasama yang dipero7.2 **Pegawai yang mengikuti program kerana menjalankan penyelidikan, hendaklah mengemukakan bukti penerbitan atau kelulusan penerbitan untuk sekurang-kurangnya satu artikel dalam jurnal berimpak tinggi atau jurnal berindeks semasa melapor diri setelah tamat program Pasca Kedoktoran.**

7.32 Pegawai yang gagal mengemukakan laporan program serta penerbitan berimpak tinggi seperti yang tercatat dalam perenggan 6.3 dalam tempoh masa yang ditetapkan itu, tidak akan diberi pertimbangan untuk mendapat apa-apa cuti belajar lain seperti Cuti Sabatikal dan Latihan Penempatan Industri pada masa hadapan.

8.0 IKATAN PERJANJIAN

Sebelum dibenarkan memulakan program, pegawai hendaklah menandatangani perjanjian untuk berkhidmat dengan Universiti ini bagi suatu tempoh yang ditetapkan seperti berikut:

Tempoh Pengajian	Tempoh Ikatan (Tahun)		Jumlah Ganti Rugi (RM)	
	Bukan Profesional	Profesional	Dalam Negara	Luar Negara
12 bulan atau kurang 12 bulan	2	3	40 ribu	Kos sebenar
Lebih 12 bulan hingga 24 bulan	4	5	100 ribu	Kos sebenar

Catatan:

Kursus Profesional meliputi kursus-kursus seperti Perubatan dan Pergigian, Kejuruteraan, Senibina, Perakaunan dan Undang-Undang seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan.

9.0 HAL-HAL LAIN

9.1 Pegawai yang mengikuti program akan hilang apa-apa cuti rehat yang mungkin dikumpulkan sebelum memulakan program dan hendaklah disifatkan telah luput mulai tarikh pegawai memulakan program.

9.2 Pegawai adalah tertakluk kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 [Akta 605] sepanjang tempoh pegawai mengikuti program.

- 9.3 Universiti berhak menamatkan program yang diikuti oleh pegawai atas pelanggaran syarat perjanjian, desakan perkhidmatan, implikasi kewangan dan kepentingan Universiti dengan memberikan notis bertulis kepada pegawai akan penamatan program tersebut.

Diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Ke-196 Bil. 3/2014 pada 20 April 2014.